

PENINGKATAN SEHINGGA 2.2 JUTA KENDERAAN: RANCANG PERJALANAN LEBIH AWAL SEMPENA CUTI AIDILFITRI

Petaling Jaya, 19 Mac 2025:- PLUS Malaysia Berhad (PLUS) menjangkakan peningkatan trafik sehingga 2.2 juta kenderaan sehari pada Hari-hari Puncak di rangkaian Lebuhraya PLUS. Ia merupakan peningkatan hampir 20 peratus pada hari-hari biasa. Manakala, jangkaan Hari-hari Puncak di Lebuhraya PLUS adalah pada 27 Mac, 28 Mac, 29 Mac dan 4 April, 5 April dan 6 April 2025. Sehubungan itu, pengguna lebuhraya dinasihatkan supaya merancang perjalanan lebih awal pada musim perayaan ini.

PLUS akan memberi tumpuan khusus untuk mengurus dan mengagihkan trafik serta penyediaan kemudahan yang lebih efisien bagi memastikan pengguna lebuhraya menikmati perjalanan yang lebih lancar dan selesa pada musim perayaan ini.

Dalam sesi taklimat kepada media yang telah diadakan di Persada PLUS hari ini, Ketua Pegawai Operasi PLUS, Datuk Ir. Zakaria Ahmad Zabidi, berkata, "Lebih 5,000 keseluruhan petugas ekosistem PLUS telah bersiap sedia untuk memberi bantuan bagi melancarkan perjalanan pengguna lebuhraya dengan menyediakan petugas-petugas antaranya ialah 1,471 kakitangan bagi membantu operasi di plaza tol; 60 petugas di Pusat Pemantauan Trafik PLUS dan LPT2 bagi menyelaras bantuan sekiranya pengguna menghadapi kesulitan di lebuhraya; 413 keseluruhan anggota rondaan PLUSRonda dan LPT2Ronda; 3,570 kakitangan penyelenggaraan di R&R, hentian sebelah dan plaza tol; 319 anggota RELA ditempatkan di R&R, hentian sebelah dan plaza tol terpilih serta menempatkan kira-kira 50 anggota Pasukan Bantuan Kecemasan (ERT) di lokasi-lokasi terpilih."

Taklimat kepada media berkenaan persediaan PLUS menguruskan peningkatan jumlah kenderaan sempena musim perayaan Aidilfitri yang akan datang telah diadakan bersama rakan strategik PLUS. Turut hadir adalah CP Dato' Sri Mohd Yusri Haji Hassan Basri, Pengarah, Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) Polis DiRaja Malaysia (PDRM) (PDRM), Ir. Dr. Mohammed Ridzuan Jahidin, Pengarah Wilayah Tengah, Lembaga Lebuhraya Malaysia dan Tuan Tan Kim Loon, Timbalan Pengarah Operasi, Bahagian Penguatkuasa, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia serta pengurusan kanan PLUS.

Smartlane di 28 lokasi kritikal di lebuhraya

Bagi mengurus trafik dengan lebih efisien sempena musim perayaan ini, PLUS akan mengaktifkan laluan Smartlane di 28 lokasi tumpuan trafik di lebuhraya bagi melancarkan pergerakan trafik di lokasi-lokasi kritikal di lebuhraya. Ini merupakan pertambahan sebanyak 3 lokasi Smartlane berbanding 25 lokasi Smartlane pada musim perayaan Tahun Baharu Cina yang lalu. (Sila rujuk Lampiran untuk lokasi Smart Lane)

Smartlane boleh dikenalpasti melalui paparan Lampu Hijau Berkilip (Green Flashing Light) dan papan tanda pemberitahuan yang dipasang bagi menunjukkan laluan Smart Lane diaktifkan dan boleh digunakan di lokasi-lokasi tertentu. PLUS juga menyarankan pengguna lebuhraya untuk mematuhi arahan semasa oleh petugas di lokasi dan memberi kerjasama sepenuhnya ketika Smartlane diaktifkan.

"Smartlane boleh digunakan oleh kenderaan ringan, persendirian atau penumpang. Ketika Smartlane diaktifkan, pengguna lebuh raya dinasihatkan supaya memandu tidak melebihi had laju. Kami menyarankan had laju bagi pengguna yang memandu di laluan tersebut adalah sekitar 60 km/j. Selain itu, pengguna lebuh raya juga dilarang sama sekali untuk memandu di lorong kecemasan di lokasi lain yang tidak mempunyai laluan Smartlane yang diaktifkan bagi mengelak berdepan tindakan undang-undang oleh pihak berkuasa," jelas Datuk Ir. Zakaria.

Rancang perjalanan, Patuhi MyPLUS-TTA dan peluang memenangi hadiah keseluruhan sehingga RM20,000

Orang ramai dinasihatkan supaya dapat merancang perjalanan lebih awal bagi menikmati perjalanan yang lancar di lebuh raya.

PLUS telah menyediakan jadual perjalanan digital MyPLUS-TTA menerusi Aplikasi PLUS untuk memudahkan pengguna lebuh raya merancang perjalanan, sekaligus membantu pengagihan trafik serta mengelakkan kenderaan tertumpu di satu-satu lokasi di lebuh raya secara serentak. Namun, kelancaran trafik juga bergantung kepada kejadian luar jangka seperti kemalangan yang boleh mengganggu perjalanan di lebuh raya.

Pengguna lebuh raya boleh mendapatkan jadual perjalanan digital MyPLUS-TTA dengan memuat turun dan mengakses aplikasi PLUS untuk memilih waktu perjalanan yang paling optimum di Lebuhraya PLUS dan Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2) bagi perjalanan di antara 27 Mac hingga 7 April 2025.

Untuk menggalakkan orang ramai mematuhi MyPLUS-TTA, PLUS menganjurkan kempen "**Ikuti MyPLUS-TTA Sempena Raya Aidilfitri**" yang bermula pada 19 Mac hingga 6 April 2025 di laman media sosial PLUS menerusi Facebook, Instagram, X@plus2u, Tiktok, Youtube dan LinkedIn.

Pengguna Lebuhraya PLUS yang mendaftar dan mematuhi MyPLUS-TTA di Aplikasi PLUS berpeluang memenangi hadiah keseluruhan sehingga RM20,000. Seramai enam (6) pemenang hadiah utama bakal membawa pulang baucar hotel bernilai RM2,500 setiap satu dan 50 pengguna berpeluang memenangi hadiah saguhati iaitu kredit Touch 'n Go eWallet masing-masing bernilai RM100.

Oleh itu, PLUS menyeru orang ramai supaya merancang dan menyusun jadual perjalanan mereka berdasarkan MyPLUS-TTA yang dicadangkan menerusi aplikasi PLUS, bukan sahaja bagi perjalanan keluar dari Lembah Klang untuk Balik Kampung tetapi juga bagi perjalanan kembali semula ke Lembah Klang selepas bercuti.

Kemudahan tambahan untuk keselesaan pengguna

Sejak tahun 2023 hingga kini, PLUS telah menambah baik kemudahan tandas di 59 lokasi di R&R, hentian sebelah dan plaza tol sepanjang lebuh raya dan sedia untuk digunakan oleh pengguna lebuh raya menjelang cuti perayaan Aidilfitri yang akan datang.

Untuk memberi lebih keselesaan kepada pengguna lebuh raya, beberapa projek penambahbaikan kemudahan tandas awam dijangka siap dan akan beroperasi pada musim perayaan ini di 8 lokasi sepanjang lebuh raya antaranya di Plaza Tol Pendang, R&R Gunung Semanggol (Arah Utara dan Arah Selatan), Hentian Sebelah Simpang Pulai (Arah Selatan), R&R Dengkil (Arah Selatan), Restoran Jejantas Ayer Keroh (Arah Utara) dan Hentian Sebelah Kijal (Arah Utara dan Arah Selatan).

Selain itu, PLUS turut menyediakan 54 unit tandas kabin di hentian sebelah dan plaza tol terpilih pada musim perayaan ini. Kemudahan ini merupakan tambahan kepada tandas sedia ada yang disediakan di kawasan rehat dan hentian sebelah.

PLUS juga memohon kerjasama orang ramai supaya dapat merancang perjalanan mereka dan menggunakan kemudahan awam lain seperti tandas dan surau yang turut disediakan di semua plaza tol sepanjang lebuh raya. Sementara itu, di lokasi-lokasi kerja penambahaikan tandas awam sedang dijalankan, PLUS akan menyediakan tandas sementara untuk kegunaan orang ramai.

PLUS Mempersembahkan Filem Pendek Ramadan-Raya “Kias Rindu”

Khas untuk perayaan Hari Raya Aidilfitri tahun ini, PLUS mempersembahkan filem pendek Ramadan-Raya bertajuk “Kias Rindu” yang mengangkat kisah nilai kekeluargaan tentang ibu bapa yang sanggup berbuat apa sahaja demi memastikan anak-anaknya pulang ke kampung halaman untuk berbuka puasa bersama-sama. Filem pendek ini mencerminkan realiti kehidupan sebagai manusia dan pentingnya bagi kita untuk menghargai ibu bapa kita sementara mereka masih ada. ‘Kias Rindu’ juga menceritakan keprihatinan PLUS terhadap semua pengguna lebuh raya dalam menjaga mereka di sepanjang perjalanan pada musim perayaan ini.

‘Kias Rindu’ telah ditayangkan di semua platform media sosial PLUS dan Youtube bermula 9 Mac lalu dan telah meraih lebih tiga juta tontonan. Selain daripada platform media sosial PLUS, filem pendek ini juga disiarkan di saluran televisyen terpilih.

Maklumat keadaan trafik di lebuh raya

Pada masa yang sama, pengguna lebuh raya juga boleh mendapatkan maklumat trafik terkini menerusi aplikasi PLUS, Pembantu Maya – PUTRI, X@plustrafik, papan tanda elektronik (VMS) di lokasi-lokasi terpilih atau menerusi saluran stesen-stesen radio utama negara. Orang ramai juga boleh menghubungi talian **PLUSLine di 1800-88-0000** dan **LPT2Line di 1800-88-0220** sekiranya ingin mendapatkan bantuan apabila berlaku kecemasan.

PLUS juga menasihatkan pengguna lebuh raya supaya menggunakan aplikasi PLUS, aplikasi Waze atau *Google Maps* untuk merancang perjalanan dan mendapatkan status trafik semasa dengan lebih baik pada musim perayaan kali ini.

-TAMAT-

PERTANYAAN MEDIA:

Mashitah Mohd Arshad Pemangku Ketua Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 013-209 7092 Emel: mashitah@plus.com.my	Rofina Adam Pengurus Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 012-657 4452 Emel: rofina@plus.com.my
--	---

TRAFFIC INCREASE OF UP TO 2.2 MILLION VEHICLES: PLAN TRAVELS AHEAD DURING AIDILFITRI HOLIDAYS

Petaling Jaya, March 19, 2025:- PLUS Malaysia Berhad (PLUS) is anticipating an increase in traffic of up to 2.2 million vehicles daily – nearly 20 percent increase from normal days – on peak days across PLUS-operated highways ahead of the upcoming Aidilfitri festive season. The expected peak travel days on the PLUS Highways are March 27–29 and April 4–6, 2025. As such, highway users are encouraged to plan their travels ahead during this festive period.

PLUS is placing special focus on traffic management and distribution, as well as enhancing facilities to ensure a smoother and more comfortable journey for highway users during this festive season.

During a media briefing held at Persada PLUS today, PLUS Chief Operating Officer, Datuk Ir. Zakaria Ahmad Zabidi, stated, “Over 5,000 personnel from the entire PLUS ecosystem are fully prepared to assist in ensuring a smooth journey for highway users by deploying personnel, including 1,471 personnel assigned to assist with toll plaza operations; 60 staff stationed at the PLUS and LPT2 Traffic Monitoring Centre to coordinate assistance for highway users in distress; a total of 413 patrol officers from PLUSRonda and LPT2Ronda; 3,570 maintenance personnel deployed at Rest & Service Areas (R&Rs), lay-bys, and toll plazas; 319 RELA officers stationed at selected R&Rs, lay-bys, and toll plazas, as well as approximately 50 Emergency Response Team (ERT) members deployed at selected locations.”

A media briefing on PLUS’ preparations to handle the surge in vehicle increase during the upcoming Aidilfitri festive season was held in collaboration with PLUS’ strategic partners. Also present were CP Dato’ Sri Mohd Yusri Haji Hassan Basri, Director of the Traffic Investigation and Enforcement Department (JSPT) of the Royal Malaysia Police (PDRM), Ir. Dr. Mohammed Ridzuan Jahidin, Central Region Director of the Malaysian Highway Authority, and Tuan Tan Kim Loon, Deputy Director of Operations, Enforcement Division, Road Transport Department (JPJ) Malaysia, along with PLUS senior management.

Smartlane Implementation at 28 Critical Highway Locations

To ensure efficient traffic management during the upcoming festive season, PLUS will activate Smartlane at 28 locations on the highway to facilitate smoother vehicle movement at critical areas. This marks an increase of three additional Smartlane locations compared to the 25 locations activated during the previous Chinese New Year festive season. (Please refer to the attachment for the Smartlane locations).

Smartlane can be identified by the Green Flashing Light and notification signboards installed at specific locations to indicate that the Smartlane is activated and available for use. PLUS also advises highway users to follow real-time instructions from on-site personnel and fully cooperate when the Smartlane is in operation.

“The Smartlane is designated for light, private, and passenger vehicles. When the Smartlane is activated, highway users are advised not to exceed the speed limit. We recommend a speed limit of approximately 60 km/h for those using the Smartlane. Additionally, highway users are strictly prohibited from using the emergency lane at locations where the Smartlane is not activated to avoid legal action by the authorities,” explained Datuk Ir. Zakaria.

Plan Your Journey, Follow MyPLUS-TTA, and Win Prizes Worth Up to RM20,000

The public is advised to plan their journeys early to ensure a smooth travel experience on the highway.

PLUS has introduced the MyPLUS-TTA digital travel schedule via the PLUS App to help highway users plan their journeys efficiently. This initiative assists in traffic distribution and prevents congestion at specific locations along the highway. However, smooth traffic flow also depends on unforeseen incidents such as accidents, which may cause delays.

Highway users can access the MyPLUS-TTA digital schedule by downloading and using the PLUS App to select the most optimal travel times on the PLUS Highway and Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2) for journeys between March 27 and April 7, 2025.

To encourage compliance with MyPLUS-TTA, PLUS is launching the 'Follow MyPLUS-TTA for Raya Aidilfitri' campaign 2 campaign from March 19 to April 6, 2025, on PLUS' social media platforms, including Facebook, Instagram, X (@plus2u), TikTok, YouTube, and LinkedIn.

Highway users who register and follow MyPLUS-TTA via the PLUS App will have a chance to win total prizes worth up to RM20,000. A total of six (6) grand prize winners will receive hotel vouchers worth RM2,500 each, while 50 users will have the opportunity to win consolation prizes in the form of Touch 'n Go eWallet credits worth RM100 each.

Therefore, PLUS urges the public to plan and organise their travel schedules based on the recommended MyPLUS-TTA via the PLUS App, not only for outbound journeys from the Klang Valley for Balik Kampung but also for the return journey to the Klang Valley after the holidays.

Providing Additional Facilities for Highway Users' Comfort

Since 2023, PLUS has upgraded toilet facilities at 59 locations across its Rest & Service Areas (R&Rs), lay-bys, and toll plazas along the highway. These upgraded facilities are ready for use ahead of the upcoming Aidilfitri holiday season.

To further enhance user comfort, several public toilet improvement projects are expected to be completed and operational during this festive season at eight locations, including Pendang Toll Plaza, Gunung Semanggol R&R (Northbound & Southbound), Simpang Pulai Lay-by (Southbound), Dengkil R&R (Southbound), Ayer Keroh Overhead Restaurant (Northbound), and Kijal Lay-by (Northbound & Southbound).

Additionally, 54 cabin toilet units will be provided at selected lay-bys and toll plazas during the festive period. These are extra facilities to complement the existing toilets available at rest areas and lay-bys.

PLUS also encourages the public to plan their journeys and utilise other public facilities, including toilets and prayer rooms, at all toll plazas along the highway. Meanwhile, at locations where toilet upgrading works are still ongoing, temporary toilets will be provided for public use.

PLUS Presents Ramadan-Raya Short Film "Kias Rindu"

In celebration of Hari Raya Aidilfitri this year, PLUS presents a special Ramadan-Raya short film titled "Kias Rindu", which highlights family values and tells the heartfelt story of parents who will do anything to ensure their children return home for iftar together. This short film reflects the realities of life and emphasises the importance of cherishing our parents while they are still with us.



Ahli Kumpulan UEM

KENYATAAN MEDIA

“Kias Rindu” also symbolises PLUS’ care and commitment to ensuring the safety and well-being of highway users throughout their journeys this festive season.

The short film premiered on PLUS’ social media platforms and YouTube on March 9 and has already garnered over three million views. In addition to social media, the film is also being aired on selected television channels.

Highway Traffic Updates

Highway users can access real-time traffic updates via the PLUS App, Virtual Assistant PUTRI, X (@plustrafik), electronic signboards (VMS) at selected locations, and major national radio stations. For emergency assistance, the public can contact PLUSLine at 1800-88-0000 and LPT2Line at 1800-88-0220.

PLUS also advises highway users to utilise the PLUS App, Waze, or Google Maps to plan their journeys and stay updated on real-time traffic conditions during this festive season.

-END-

MEDIA CONTACT:

Mashitah Mohd Arshad Acting Head Corporate Communications PLUS Malaysia Berhad Mobile: 013-209 7092 Email: mashitah@plus.com.my	Rofina Adam Manager Corporate Communications PLUS Malaysia Berhad Mobile: 012-657 4452 Email: rofina@plus.com.my
---	--